

ANALISIS AWAL TERHADAP KESAN KEPADA KEHIDUPAN BERJEMAAH UMAT ISLAM DALAM TEMPOH MEMBENDUNG VIRUS COVID-19 DI MALAYSIA

PRIMARY ANALYSIS OF THE EFFECTS ON THE CONGREGATIONAL LIFE OF MUSLIMS DURING THE COVID-19 VIRUS CONTROL PERIOD IN MALAYSIA

Ahmad Tarmizi Abdul Rahman¹
Nor-Ina Kanyo²
Suhailah Abdul Muin³
Aisah Hossin⁴

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mel: atarmizi@ums.edu.my)

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mel: norina@ums.edu.my)

³Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mel: drsuhailah@ums.edu.my)

⁴Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mel: aisahhossin87@gmail.com)

Article history

Received date : 25-8-2020
Revised date : 26-8-2020
Accepted date : 23-10-2020
Published date : 25-10-2020

To cite this document:

Ahmad Tarmizi Abdul Rahman, Nor-Ina Kanyo, Suhailah Abdul Muin & Aisah Hossin (2020). Analisis awal terhadap kesan kepada kehidupan berjemaah umat Islam dalam tempoh membendung virus COVID-19 di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(32), 93 – 107.

Abstrak: *Kehidupan berjemaah dianggap sebagai satu bentuk amalan spiritual bertasauf atau dikenali sebagai suhbaha dalam ilmu bertasauf. Ia menjadi salah satu amalan yang dituntut dalam ajaran agama Islam. Namun, kehadiran COVID-19 yang telah melanda senantero dunia secara tanpa sedar telah mengganggu amalan kehidupan berjemaah dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Pengeluaran fatwa oleh bahagian Hal Ehwal Agama Jabatan Perdana Menteri berkenaan dengan kehidupan berjemaah khususnya berkaitan dengan larangan untuk sembahyang berjemaah di masjid dan surau sejajar dengan tempoh perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) telah sedikit sebanyak memberi impak negatif kepada kehidupan berjemaah umat Islam. Justeru, dengan menggunakan data-data sedia ada daripada laman sesawang seperti kenyataan media cetak dan elektronik serta media massa, analisis awal dilakukan bagi menilai kesan terhadap kehidupan berjemaah umat Islam semasa tempoh pelaksanaan PKP, PKPP dan PKPB. Dalam membendung penularan COVID-19, pengeluaran fatwa oleh bahagian Hal Ehwal Agama Jabatan Perdana Menteri telah menyebabkan timbulnya keraguan autensiti fatwa yang*

telah dikeluarkan sehingga membuka ruang kekeliruan dalam perihal asas terhadap pengeluaran fatwa tersebut.

Kata Kunci: COVID-19, Kehidupan Berjemaah, Umat Islam, Fatwa, Spiritual Bertasauif

Abstract: *Congregational life is considered as a form of spiritual practice of fasting or known as suhbaha in the science of fasting. It became one of the practices demanded in the teachings of Islam. However, the presence of COVID-19 which has hit the whole world unconsciously has disrupted the practice of congregational life among the Muslim community in Malaysia. Issuance of fatwa by the Religious Affairs Division of the Prime Minister's Department regarding congregational life, especially in relation to the ban on congregational prayers in mosques and suraus in line with the implementation period of the Movement Control Order (MCO), Restoration Movement Control Order (RMCO) and Conditional Movement Control Order (CMCO) has to some extent had a negative impact on the congregational life of Muslims. Therefore, by using the existing data from websites such as print and electronic media statements as well as mass media, preliminary analysis is done to assess the impact on the congregational life of Muslims during the implementation period of PKP, PKPP and PKPB. In curbing the spread of COVID-19, the issuance of a fatwa by the Religious Affairs division of the Prime Minister's Department has caused doubts about the authenticity of the fatwa that has been issued, thus opening up space for confusion in the basis of the issuance of the fatwa.*

Keywords: COVID-19, Congregational Life, Muslims, Fatwa, Tasauif Spiritual

Pengenalan

Penularan wabak COVID-19 sebagai suatu pandemik menimbulkan kebimbangan kepada semua lapisan masyarakat dan memberi pelbagai kesan dari aspek kesihatan, ekonomi dan sosial. Dalam membendung masalah pandemik COVID-19, kebanyakan negara di seluruh dunia mengambil pendekatan untuk mengekang penularannya dalam pelbagai pendekatan. Lebih 3.9 bilion daripada 7.8 bilion penduduk dunia secara keseluruhannya tidak keluar rumah melalui perintah berkurung di lebih 90 negara di seluruh dunia dan kira-kira 2.78 penduduk dunia diletakkan dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan di 49 buah negara. Malaysia juga tidak terlepas dari masalah ini sehingga 9 April 2020 sehingga 30 September 2020, sebanyak 11,310 kes dengan 138 kematian direkodkan (Kementerian Kesihatan Malaysia, 7 Mac 2020).

Dalam usaha mengekang penularan pandemik COVID-19, sehingga 3 April 2020 lebih 3.9 bilion atau setengah daripada populasi penduduk dunia iaitu 7.8 bilion secara keseluruhannya tidak keluar rumah. Pendekatan ini termasuk perintah berkurung bagi suatu tempoh atau melaksanakan kuarantin di lebih 90 negara di seluruh dunia. Sementara itu, kira-kira 2.78 penduduk dunia diletakkan dalam perintah kawalan pergerakan yang dilaksanakan di 49 buah negara. Negara di benua Eropah seperti Britain, Perancis, Itali dan Sepanyol diletakkan di bawah sekatan pergerakan terhadap puluhan juta rakyatnya. Di benua Asia iaitu India, Nepal dan Sri Lanka telah melaksanakan sekatan yang sama. Di Amerika Syarikat dan New Zealand juga telah melaksanakan perintah berkurung di hampir semua negeri (Berita Harian, 3 April 2020). Palestin mengumumkan untuk melanjutkan perintah berkurung (*lockdown*) selama sebulan bagi membendung penularan wabak coronavirus (COVID-19) (Berita Harian, 3 April

2020). Kerajaan Arab Saudi turut menguatkuasakan perintah berkurung 24 jam serta-merta dalam usaha membasmi penularan COVID-19 kerana negara ini telah mencatatkan 1885 kes jangkitan dengan 21 kematian. Pintu masuk dan keluar ke Riyadh, Mekah, Madinah dan Jeddah adalah dihadkan. Hampir kebanyakan penduduk Mekah dan Madinah dikenakan perintah berkurung tetapi di sesetengah bandar penutupannya hanya antara jam 3 petang hingga 6 pagi. Di negara Teluk lain yang juga melaksanakan Perintah berkurung ialah seperti Kuwait, Qatar, Oman dan Emiriah Arab Bersatu yang menutup pintu Al Ras kawasan yang terkenal dengan emas dan rempah ratus, di mana ramai pekerja asing tinggal seperti dari Nepal, India dan Filipina (Berita Harian, 2 April 2020). Sementara itu, Britain mengumumkan perintah berkurung bermula pada 23 Mac seiring dengan keputusan dan amaran Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) mengenai wabak COVID-19 di seluruh dunia (Harian Metro, 24 Mac 2020).

Menteri Kesihatan Itali, Roberto Speranza pula mengumumkan akan melanjutkan langkah kuarantin di seluruh Itali untuk membendung COVID-19 yang berakhir 2 April 2020 semenjak penguatkuasaannya awal Mac 2020. Sehingga 30 Mac, Itali mencatatkan 97,000 kes jangkitan dengan lebih 10,700 kematian (Harian Metro, 30 Mac 2020). Sungguhpun langkah penularan COVID-19 dilaksanakan di kebanyakan negara dunia, namun statistik penularan COVID-19 masih menunjukkan peningkatan. Di peringkat global, sehingga 30 September 2020 wabak COVID-19 mencatatkan 33,827,031 kes dengan jumlah kematian seramai 1,011,868 orang di 183 buah negara (Tribunmataram News, 30 September 2020). Berikutan penularannya, Malaysia telah mewujudkan PKP di seluruh negara bagi tujuan memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19 dalam tiga fasa iaitu Fasa I berkuatkuasa pada 18 Mac - 31 Mac, Fasa II bermula 1 April - 14 April, Fasa III 15 April-28 April dan Fasa IV, 29 April hingga 12 Mei dengan slogan *stay at home* atau duduk di rumah.

Dalam tempoh pelaksanaan PKP, pihak penguatkuasa mengambil tindakan bagi memastikan masyarakat terus membantu dalam membendung penularan COVID-19. Sepanjang tempoh PKP iaitu dari 18 Mac sehingga 24 April, memberi kesan kepada terhalangnya amalan zikir, solat harian berjemaah dan solat Jumaat. Situasi ini jelas memberi kesan kepada amalan beragama dalam masyarakat Islam. Fatwa yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) tidak mengemukakan sebarang bukti saintifik statistik bahawa jangkitan tersebar secara efektif melalui perhimpunan beragama di negara ini. Justeru, penulisan ini hanya tertumpu kepada situasi semasa berlandaskan kepada kenyataan media cetak dan elektronik serta media sosial yang berlaku sepanjang tempoh berlangsungnya PKP yang terdiri daripada tiga fasa iaitu Fasa I berkuatkuasa pada 18 Mac - 31 Mac, Fasa II bermula 1 April - 14 April dan Fasa III 15 April - 28 April sahaja.

Perkembangan tentang Penularan Pandemik COVID-19 di Dunia

Coronavirus (CoV) adalah virus yang menyebabkan pelbagai penyakit dari selesema hingga ke penyakit lebih teruk seperti MERS-CoV dan SARS-CoV. Novel Coronavirus (2019-nCov) adalah merujuk kepada spesies baharu yang belum pernah ditemui oleh manusia (Kementerian Kesihatan Malaysia-KKM, 7 Mac 2020). Wabak Coronavirus (COVID-19) bermula di bandaraya mega Wuhan, Hubei China dengan kapasiti penduduk melebihi 11 juta. Virus ini kemudiannya merebak ke seluruh dunia. Penularannya ke merata dunia dengan pantas dan membawa implikasi besar kepada masyarakat dan ekonomi sesebuah negara menyebabkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau *World Health Organization* (WHO) mengisytiharkan wabak COVID-19 sebagai darurat kesihatan dunia pada 11 Januari 2020 (Kementerian

Kesihatan Malaysia, 9 Mac 2020) dan sebagai pandemik pada 12 Mac 2020 (Berita Harian, 26 Mac 2020; Kementerian Kesihatan Malaysia, 7 Mac 2020). Perkataan “pandemik” berasal dari teori Yunani iaitu ‘Pan’ bermaksud ‘semua; dan “demo” bermaksud ‘orang-orang’. Perkataan pandemik biasanya digunakan untuk merujuk kepada wabak penyakit berjangkit secara meluas di seluruh negara atau lebih daripada satu negara dan merentasi benua pada masa yang sama (Honigsbaum, 2009).

Menurut Morens et al. (2009), dalam tempoh dua dekad yang lalu, istilah ini belum ditakrifkan oleh banyak teks perubatan moden. Malah teks yang berwibawa berkenaan pandemik tidak menyenaraikannya dalam indeks mereka, termasuk sumber seperti sejarah komprehensif perubatan klasik, buku teks epidemiologi, laporan institut perubatan yang berpengaruh pada jangkitan baharu yang muncul (Morens et.al, 2009). Takrif yang diterima secara universal mengenai pandemik seperti yang terdapat dalam Kamus Epidemiologi adalah mudah dan terkenal iaitu "wabak yang berlaku di seluruh dunia, atau di kawasan yang sangat luas, merentasi sempadan antarabangsa dan biasanya menjejaskan sebilangan besar orang atau penduduk" (Harris, 2000). Kamus klasik juga mendefinisikan ‘pandemik ‘sebagai ketiadaan imuniti penduduk dan keterukan penyakit. Definisi moden mengambil kira "luas wabak “iaitu di kawasan yang sangat luas dan biasanya “menjejaskan sebahagian besar populasi”, dan"disebarkan atau berlaku secara meluas di seluruh rantau, negara, benua atau global" (Morens et al., 2009).

WHO menjelaskan bahawa pandemik merujuk kepada keadaan yang baharu, sub jenis virus yang patogen iaitu tidak seorangpun manusia dalam populasi manusia mempunyai imunitas atau rintangan dan mudah ditransmisikan antara manusia, mewujudkan kedudukan dalam populasi manusia dan cepat menyebar ke seluruh dunia (WHO, 2011a). Selain itu, pandemik adalah wabak penyakit yang sebahagian besarnya menjadi meluas akibat penyebaran virus dan jangkitannya kepada manusia (WHO, 2011b). Menurut W. Qiu et al, (2017), walaupun istilah pandemik belum ditakrifkan oleh banyak teks perubatan, terdapat beberapa ciri-ciri utama bagi membantu memahami konsep pandemik dengan lebih baik dan mudah iaitu dengan meneliti persamaan dan perbezaan antara pandemik. Antaranya ialah (i) ciri geografi yang luas, (ii) pergerakan penyakit, (iii) pembaharuan (iv) kadar kesakitan (v) kadar serangan dan ledakan yang tinggi, (vi) imuniti penduduk yang minimum dan (vii) kadar infeksi dan penularan yang tinggi.

Dalam konteks sejarah tamadun manusia, terdapat banyak wabak penyakit dan pandemik yang tercatat dalam sejarah termasuk Flu Sepanyol, Flu Hong Kong, SARS, H7N9, Ebola, Zika (WHO, 2011b; Maurice, 2016). Menurut WHO (2011b), terdapat sejumlah pandemik penting yang direkodkan dalam sejarah manusia seperti cacar, kolera, denggi, AIDS, selesema sindrom pernafasan akut yang teruk (SARS), dan batuk kering (W. Qiu et al., 2017). Pandemi influenza tidak dapat diramalkan tetapi peristiwa berulang yang boleh membawa kesan yang teruk pada masyarakat di seluruh dunia dan telah melanda kira-kira tiga kali setiap abad sejak 1500-an, atau kira-kira setiap 10 - 50 tahun. Pada abad ke-20, terdapat tiga pandemi influenza yang dinamakan sebagai "selesema Sepanyol" berlaku pada 1918-1919, "selesema Asia" pada 1957-1958 dan "selesema Hong Kong" pada 1968-1969 yang mana pandemi yang pernah berlaku ini memberi kesan yang teruk kepada kehidupan manusia pada masa itu bukan sahaja dari aspek ekonomi tetapi juga sosial dan membawa kepada kematian.

Berdasarkan rekod WHO, pandemik influenza yang berlaku pada tahun 1918-1919 telah membunuh lebih daripada 20 juta orang di dunia dan telah dinamakan sebagai epidemi paling dahsyat dalam sejarah dunia (WHO, 2011b). Pada beberapa tahun kebelakangan ini telah menyaksikan sekurang-kurangnya enam wabak besar antaranya virus sindrom pulmonari, akut yang teruk sindrom pernafasan (SARS), influenza H5N1, influenza H1N1, sindrom pernafasan Timur Tengah, dan penyakit virus Ebola epidemi (Gostin et al., 2016). Menurut Bank Dunia penyakit Ebola telah membunuh lebih daripada 11,000 orang penduduk dunia dengan kos lebih daripada USD \$ 2 bilion (Maurice, 2016). Virus Zika terus menyebarkan dan seterusnya mengancam kesihatan orang ramai di 34 negara (Troncoso, 2016). Wabak ini menjadikan para saintis dan para pemerintah bimbang tentang pengulangan kemusnahan selepas Sepanyol 1918 (Lin et al., 2016). Dalam kajian terkini mengenai pandemik influenza, pandemik adalah dikategorikan sebagai trans-serantau dan global (Taubenberger & Morens, 2009). Terdapat 178 negara terlibat semasa wabak H1N1 pada tahun 2009 dan telah menjejaskan seluruh dunia dan menyebabkan lebih daripada 18,000 kematian (Rewar et al., 2015). Virus influenza H1N1 2009 (A / 2009 / H1N1) adalah influenza pandemik pertama di Malaysia pada abad ke-21 (Rewar et al., 2015).

Latar Belakang Penularan COVID-19 di Malaysia

Dalam konteks penularan COVID-19 di Malaysia, secara kronologi hanya diketahui umum pada 23 Januari 2020 setelah Kementerian Kesihatan (KKM) melalui Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) mengumumkan bahawa pihak mereka telah menerima laporan tiga kes (dua di Sabah dan satu di Selangor) disyaki dijangkiti coronavirus 2019 (2019-nCoV) dan KKM mengesahkan bahawa kes di Sabah adalah negatif. Pada 24 Januari, KKM memaklumkan bahawa seorang lelaki berumur 40 tahun yang berasal dari Wuhan, China. Suspek tiba di Johor Bahru pada 22 Januari 2020 dengan menaiki bas dari Singapura. Suspek datang bersama sekumpulan pelancong warga China seramai 17 orang kesemuanya, yang turut terdiri daripada isteri dan seorang anaknya. Suspek mula mengalami gejala demam pada 23 Januari 2020 dan keesokan harinya beliau telah pergi mendapatkan rawatan di salah sebuah hospital swasta berhampiran. Beliau seterusnya telah dirujuk oleh pihak hospital swasta tersebut untuk menerima rawatan lanjut di bawah jagaan Pasukan Perubatan Penyakit Berjangkit Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru. Ujian pengesanan dan pengesahan bagi kes ini telah dihantar ke Institut Penyelidikan Perubatan (IMR). Pada petang 25 Januari 2020, pihak Crisis Preparedness and Response Centre 2 (CPRC) Kebangsaan telah menerima pelaporan bahawa sampel pesakit terbahit didapati positif 2019-nCoV (Malaysiakini, 25 Januari 2020).

Sementara itu, daripada lapan orang warganegara China yang merupakan kontak langsung dengan kes positif 2019-nCoV pertama di Singapura, didapati tiga daripadanya adalah positif iaitu seorang wanita berusia 65 tahun dan dua orang kanak-kanak lelaki berusia dua dan 11 tahun. Lima kes yang negatif telah pun dihantar pulang ke China. Pihak Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Johor telah bertindak segera dengan mengesan kesemua 17 kontak daripada kumpulan pelancong yang sama yang disertai oleh suspek dan melakukan saringan kesihatan bagi memeriksa status kesihatan mereka. Hasil saringan mendapati mereka tidak demam dan tidak mempunyai sebarang gejala jangkitan. Sampel klinikal seterusnya telah diambil dalam kalangan kontak tersebut untuk menjalani ujian pengesanan dan pengesahan 2019-nCoV di MKAK Sungai Buloh. Kesemua kontak tersebut seterusnya telah diletakkan di bawah Perintah Pemantauan dan Pengasingan di tempat yang disediakan sementara menunggu keputusan ujian

yang dijalankan ke atas mereka. Menurut KKM, dalam tempoh daripada 10 Januari 2020 sehingga 3 Februari 2020 jam 12 tengah hari, tiada pertambahan kes positif 2019-nCoV (Berita Harian, 9 Mac 2020).

Jumlah kumulatif kes positif 2019-nCoV yang dilaporkan kekal lapan kes iaitu tiga kes yang dilaporkan dalam kalangan kes Patient-Under Investigation (PUI) jangkitan 2019-nCoV dan lima kes dalam kalangan kontak rapat. Kesemua kes positif 2019-nCoV ini adalah warganegara China. Statistik jangkitan 2019-nCoV menunjukkan peningkatan ketara pada bulan Mac 2020. Pada 1 Mac 2020, hanya 29 kes dicatatkan di Malaysia dan terus meningkat kepada 99 kes pada 8 Mac dan 149 kes pada 11 Mac 2020, seterusnya meningkat kepada 673 kes positif COVID-19 pada 17 Mac. Peningkatan yang drastik ini membimbangkan kebanyakan pihak khususnya orang awam tentang keadaan keselamatan mereka. Hal ini menyebabkan pihak KKM terus mempertingkatkan Langkah pencegahan dan kawalan wabak jangkitan penyakit Novel Coronavirus. Kes yang disyaki akan diperiksa dan dirujuk ke hospital untuk pengambilan sampel serta pemantauan perkembangan gejala kes (Malaysiakini, 25 Januari 2020).

Kesemua kes ini dipantau sehingga tamat tempoh inkubasi virus ini iaitu sekurang-kurangnya 14 hari dari tarikh pendedahan atau tiba dari negara China. Ia selari dengan Seksyen 14 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342). Prosedur ini dilakukan bagi memastikan pencegahan penularan serta kawalan optima penyakit dapat dilaksanakan. Mana-mana individu yang tidak mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh mana-mana pegawai diberi kuasa, sekiranya disabitkan kesalahan, boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau didenda atau kedua-duanya sekali di bawah Seksyen 24(a) akta yang sama. Dalam mengawal penularan jangkitan, KKM telah bekerjasama dengan pelbagai agensi termasuk pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi membantu mengesan kes yang disyaki serta kes yang disahkan bagi tindakan isolasi dapat disempurnakan, demi menjaga ketenteraman dan kesihatan awam (Berita Harian, 16 Mac 2020).

Kebimbangan pihak kerajaan dengan kadar peningkatan virus corona (COVID-19) ini mendorong kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau *Movement Control Order* (MCO) selaras dengan tuntutan dan komitmen WHO. PKP Malaysia adalah merujuk kepada tindakan pencegahan oleh kerajaan persekutuan Malaysia terhadap kes COVID-19. Pada 16 Mac 2020 jam 10 malam waktu Malaysia, Perdana Menteri Malaysia Tan Sri Muhyiddin Yassin memberi ucapan secara langsung di televisyen dan secara rasmi mengisytiharkan perintah kawalan pergerakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. PKP pada sesetengah pihak media sama ada media tempatan mahupun media antarabangsa dikenali sebagai "Kuarantin Malaysia" (Berita Harian, 16 Mac 2020).

Menurut Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, PKP ialah kaedah untuk menghalang atau menghentikan penularan wabak. Menurut beliau dengan langkah PKP, ia dapat menghalang lebih ramai orang dijangkiti dan ramai yang sembuh (Berita Harian, 31 Mac 2020). PKP di Malaysia dilaksanakan beberapa peringkat. Peringkat I pada 18 Mac hingga 31 Mac. Bagi tempoh pengenalan PKP, kes COVID-19 terus menunjukkan peningkatan iaitu daripada sebanyak 790 kes pada 18 Mac meningkat kepada 2,766 kes pada 31 Mac. Penularan yang terus meningkat membawa kepada pelanjutan pelaksanaan PKP Fasa ke-2. Pengumuman

pelanjutan PKP Fasa ke-2 diumumkan pada 25 Mac 2020 dan berkuatkuasa dari 1 April-14 April 2020. Dalam tempoh PKP, beberapa langkah dilaksanakan iaitu (i) larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. Untuk menguatkuasakan larangan ini, semua rumah ibadat dan premis perniagaan hendaklah ditutup kecuali pasaraya, pasar awam, kedai runcit dan kedai serbaneka yang menjual barangan keperluan harian. Bagi umat Islam, semua aktiviti keagamaan di masjid dan surau termasuk solat jumaat ditangguhkan selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas yang telah bersidang pada 15 Mac 2020, (ii) sekatan menyeluruh semua perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara. Bagi yang baharu pulang dari luar negara, mereka dikehendaki untuk menjalani pemeriksaan kesihatan dan melakukan kuarantin secara sukarela selama 14 hari, (iii) sekatan kemasukan semua pelancong dan pelawat asing ke dalam negara, (iv) penutupan semua insitituti pendidikan. Justeru, semua taska, sekolah kerajaan dan swasta termasuk sekolah harian, sekolah berasrama penuh, sekolah antarabangsa, pusat tahfiz dan lain-lain institusi pendidikan rendah, menengah, dan pra-universiti adalah terlibat. Kesemua institusi pendidikan tinggi awam dan swasta (IPT) serta institut latihan kemahiran di seluruh negara juga ditutup dan, (v) penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting kepada negara iaitu air, elektrik, tenaga, telekomunikasi, pos, pengangkutan, pengairan, minyak, gas, bahan api, pelincir, penyiaran, kewangan, perbankan, kesihatan, farmasi, bomba, penjara, pelabuhan, lapangan terbang, keselamatan, pertahanan, pembersihan, peruncitan dan bekalan makanan. Kegagalan dalam mematuhi langkah PKP sepanjang pelaksanaannya boleh dikenakan penalti di bawah Kanun Keseksaan. Walau bagaimanapun, pada 18 Mac, Jabatan Peguam Negara mengeluarkan gazet persekutuan khusus untuk perintah kawalan menyatakan penalti sehingga RM1,000 dan/atau sehingga enam bulan penjara bagi sesiapa yang tidak mematuhi peraturan perintah itu (Berita Harian, 2 April 2020).

Menurut Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Mazlan Lazim, tindakan tegas di bawah Seksyen 186 dan Seksyen 188 Kanun Keseksaan akan digunakan pada orang awam yang melanggar arahan Perintah Kawalan Pergerakan. Seksyen 186 KK berkaitan menghalang penjawat awam menjalankan kerja-kerja jawatannya dan boleh dihukum penjara selama 2 tahun dan denda RM10,000. Manakala Seksyen 188 KK berkaitan mengingkari perintah yang diisytiharkan oleh penjawat awam. Individu yang ingkar akan dikenakan tindakan undang-undang. Pihak polis juga memberi nasihat dan arahan menutup kedai kepada yang tidak termasuk dalam sektor pengecualian PKP, melalui rondaan kereta peronda polis (MPV) dan Unit Rondaan Bermotosikal (URB). Pasukan jenayah turut membuat pemeriksaan di pusat hiburan dan pusat urut berlesen, agar premis ini patuh terhadap larangan beroperasi sepanjang tempoh PKP. Situasi ini adalah berkait rapat dengan Seksyen 14 Akta Kesalahan Kecil Kecil 1955, jelas menunjukkan bahawa individu yang mengganggu tugas polis atau mengucapkan perkataan yang kurang sopan kepada penjawat awam boleh dikenakan tindakan undang-undang (Bernama, 3 April 2020).

Menurut Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, pelaksanaan PKP Fasa Ke-2 dijalankan dengan mod lebih tegas dan tindakan terus diambil kepada pihak yang melanggar perintah PKP. Hal ini bagi memastikan rakyat mematuhi setiap arahan sepanjang PKP (Berita Harian, 2 April 2020). Bagi memastikan segenap lapisan masyarakat mematuhi arahan PKP, polis dan tentera telah berubah daripada dalam mod nasihat kepada tegas. Hal ini kerana masih terdapat pihak yang ingkar arahan PKP. Dalam hal ini, polis

menggunakan peruntukan Akta Kanun Keseksaan yang membawa hukuman berat bagi mendakwa individu yang melakukan kesalahan ketika ditahan di sekatan jalan raya memandangkan segelintir kesalahan individu tidak termakub dalam peruntukan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta342) di bawah seliaan Kementerian Kesihatan (KKM) (Berita Harian, 5 April 2020). Rakyat Sabah secara relatifnya menyokong PKP yang dilaksanakan Kerajaan Persekutuan di seluruh negara sehingga terdapat rakyat yang menggesa agar tempoh PKP dipanjangkan dan lebih lama memandangkan tempoh inkubasi virus COVID-19 memerlukan sekuang-kurangnya dua minggu (Daily Express, 18 Mac 2020).

Menurut Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, walaupun tahap kepatuhan PKP dilaporkan melebihi 90 peratus, namun masih ada individu ditahan kerana mengingkari arahan PKP (Berita Harian Online, 3 April 2020). Menurut Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, sehingga 6 April 2020, seramai 554 individu ditahan di sekatan jalan raya yang menjadikan jumlah tangkapan meningkat kepada 51 peratus berbanding 368 tangkapan pada 5 April. Daripada jumlah tangkapan tersebut, 489 telah direman, 213 telah dituduh di mahkamah dan 65 individu telah dijamin. Menurut beliau jumlah tangkapan kumulatif ingkar PKP dari 18 Mac sehingga 6 April 2020 adalah sebanyak 6,048 individu (Berita Harian, 6 April 2020).

Kesan COVID-19 Terhadap Kehidupan Berjemaah bagi Umat Islam

Kerisauan terhadap penularan jangkitan COVID-19 telah mendorong banyak negara untuk melakukan kawalan dalam negara masing-masing termasuk menyekat keluar masuk pelancong dari dalam dan luar negara selain melarang perhimpunan beramai-ramai dalam satu-satu masa. Peningkatan statistik dan penularan pandemik virus COVID-19 di kebanyakan negara di dunia adalah membimbangkan. Sepanjang tempoh pelaksanaan PKP, penularan virus COVID-19 dapat diperlahankan, memberi kesan kepada ketidakpatuhan tentang penguatkuasaan dalam pelaksanaan PKP. Selain itu, sesuatu yang jelas dalam perspektif keagamaan, tempoh pelaksanaan PKP dilihat sebagai memberi kesan kepada amalan beragama dalam masyarakat Islam. Tempoh PKP yang berpanjangan secara jelas menghalang amalan zikir secara berjemaah. Sementara itu amalan solat berjemaah harian dan solat Jumaat di masjid turut terjejas.

Walaupun JAKIM tidak mengeluarkan fatwa kerana ia adalah urusan Jabatan Agama pihak negeri, namun pemerhatian yang dilakukan mendapati bahawa wakil JAKIM telah mengeluarkan kenyataan yang boleh dianggap sebagai menyerupai fatwa yang berkaitan dengan pelaksanaan PKP. Ini boleh dikesan dari cara bertutur dan penggunaan bahasa serta hujah yang diberikan. Pada masa yang sama setiap negeri berhak memberi fatwa. Ini menunjukkan bahawa pihak JAKIM tidak mengeluarkan perintah mandatori bagi berfatwa demi membuat keputusan mandatori bagi negara Malaysia. Ini secara tidak langsung telah menimbulkan keraguan autensiti fatwa yang telah dikeluarkan oleh bahagian Hal Ehwal Agama Jabatan Perdana Menteri yang melarang umat Islam berkumpul untuk melakukan ibadah berjemaah dengan alasan jangkitan akan berlaku secara lebih aktif jika dalam perhimpunan (Latifah, 2020).

Namun, fatwa ini tidak mengemukakan sebarang bukti saintifik tentang kaedah/cara jangkitan akan tersebar secara lebih cepat melalui perhimpunan beragama atau amalan berjemaah dalam

beragama. Fatwa yang dikeluarkan tidak boleh dianggap sebagai fatwa yang adil kerana tidak memberi ruang khilaf dalam menentukan sesuatu hukum. Ia lebih sesuai sebagai satu arahan mandatori pihak pemerintah. Dalam masalah *effectiveness of action* yang membabitkan PKP kerajaan tidak perlu mengeluarkan fatwa mengenai PKP tetapi sebagai satu arahan darurat mandatori kepada semua penduduk Malaysia. Justeru, isu khilaf dalam penentuan hukum tidak akan timbul dalam kalangan umat Islam. Pada masa yang sama, fatwa yang dikeluarkan oleh JAKIM, seolah-olah tidak menepati tahap pengumpulan data yang tepat dan tidak mengambil kira perkara dasar serta terpenting dalam mengeluarkan fatwa iaitu syarat berkhilaf dan pembuktian saintifik (*empirical*).

Dalam konteks amalan beragama, umat Islam di Malaysia dilarang sama sekali menunaikan solat berjemaah, solat Jumaat dan mengadakan aktiviti agama berjemaah semenjak pelaksanaan PKP. Penularan COVID-19 pada peringkat awal di Malaysia adalah terkawal dan tidak memerlukan solat Jumaat dihentikan (Berita Harian, 12 Mac 2020). Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, solat yang diwajibkan kepada lelaki Muslim itu hendaklah diteruskan dengan beberapa perubahan dilakukan, antaranya memendekkan khutbah Jumaat, golongan yang mengalami gejala COVID-19 tidak perlu hadir solat Jumaat kerana termasuk dalam golongan orang yang sakit dan individu yang disahkan positif COVID-19 dibolehkan tidak mengerjakan solat Jumaat, tetapi diganti dengan solat Zohor di rumah (Berita Harian, 12 Mac 2020). Saranan Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri dipersetujui oleh Mufti negeri Melaka, Datuk Abdul Halim Tawil agar memendekkan khutbah solat Jumaat serta menasihatkan orang ramai berwuduk di rumah dan pihak masjid wajib menyediakan cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) serta penutup hidung dan mulut (Berita Harian, 12 Mac 2020).

Namun demikian, virus COVID-19 menunjukkan peningkatan yang membimbangkan kebanyakan pihak sehingga kerajaan menghentikan sementara aktiviti solat berjemaah di masjid, solat Jumaat di seluruh negara dan mana-mana aktiviti bersifat berjemaah di masjid atau di mana-mana. Menurut Mufti Pulau Pinang, Dr. Wan Salim Wan Mohd Noor, kerajaan wajib mengambil apa juga langkah untuk mencegah penyakit berjangkit daripada tersebar dan mengancam kesihatan serta nyawa rakyat termasuk tindakan menghentikan buat sementara solat berjemaah di masjid dan solat Jumaat (Berita Harian, 12 Mac 2020). Majlis Fatwa Negeri Sabah mengumumkan penangguhan aktiviti solat berjemaah dan solat Jumaat di masjid serta surau, berikutan pelanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Mufti Sabah, Datuk Bungsu @ Aziz Jaafar dalam satu kenyataan, pihaknya mengambil keputusan setelah mempertimbangkan semua aspek iaitu mengambil kira asas syarak dan maqasid syariah demi kemaslahatan dan kebaikan umat Islam dan penangguhan solat Jumaat pada 17 April dan 24 April. Ahli kariah wajib solat fardu Zohor pada hari Jumaat berkenaan dan solat fardu di rumah atau kediaman masing-masing sepanjang tempoh itu (Berita Harian, 14 April 2020).

Menurut Timbalan Mufti Terengganu, Sahibul Fadilah Ahadi Othman, lelaki Islam mukallaf yang meninggalkan solat Jumaat tiga kali berturut-turut dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tidak berdosa kerana hukumnya adalah harus bagi mengelak penularan wabak pandemik COVID-19 ketika ini dan wajib digantikan dengan solat Zohor di rumah masing-masing. Ketetapan hukum ini juga bersandarkan kepada hadis Nabi Muhammad S.A.W yang bermaksud “sesiapa yang mendengar seruan azan kemudian tidak mendatanginya (pergi ke masjid) maka tidak sempurna solatnya, melainkan disebabkan keuzuran. Mereka (sahabat)

bertanya kepada Rasulullah, apakah keuzuran itu? Baginda menjawab, ketakutan dan kebimbangan atau penyakit, berdasarkan Hadis Riwayat Abu Daud,” (Berita Harian, 23 April 2020).

Manakala, menurut Mufti Kedah, Datuk Syeikh Fadzil Awang, orang ramai wajib mengikut arahan pemerintah (ulul amri) kerana dalam agama Islam sendiri sudah memberi panduan mengenai menjaga kemaslahatan umat. Individu yang melanggar PKP dianggap berdosa kerana tidak mematuhi arahan pemerintah bagi membendung penularan COVID-19. “Jangan anggap apabila kita melanggar peraturan ini, kita hanya melanggar undang-undang negara. Sebaliknya pelanggaran perintah itu juga sebenarnya kesalahan dalam agama, jadi mereka perlu kembali ke pangkal jalan”. Justeru, saya berharap semua pihak dapat patuh serta mengelak daripada mengingkari sebarang arahan pihak berwajib dalam menangani COVID-19 ini” (Berita Harian, 26 Mac 2020).

Merujuk kepada beberapa hadis yang dikeluarkan oleh Imam Suyuti (w. 911), kitab Lubbabul Hadis bab ke sembilan mengenai keutamaan solat berjemaah. Antaranya, dari Abu Hurairah r.a., ia berkata, “Kekasihku Rasulullah S.A.W. telah memberikan pesan kepadaku, lalu beliau bersabda kepadaku, “Wahai Abu Hurairah, solatlah bersama jamaah meskipun dengan duduk, kerana sungguh Allah taala akan memberikanmu di setiap solat jamaah dua puluh lima pahala solat dengan tanpa berjemaah.”. Hadis ini juga disokong oleh hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu As-Sakan dari Dhamrah. Seterusnya Nabi S.A.W bersabda, “Solat berjemaah lebih utama dari pada solat sendirian dua puluh tujuh derajat”.

Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Malik, Imam Ahmad, Imam Al-Bukhari, Imam Muslim, Imam At-Tirmizi, Imam Ibnu Majah dan Imam An-Nasai. Dalam aspek zikir berjemaah, terdapat banyak kelebihan seperti yang terdapat dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim seperti hadis daripada Ibnu Abbas iaitu “Meninggikan suara berzikir selepas orang ramai selesai daripada solat fardu sudah pun berlaku pada zaman Nabi Muhammad S.A.W.” sebagaimana menurut Imam Ibnu Hajar dalam Al-Fatawa al-Fiqhiyyah al-Kubra (Harian Metro, 08 Ogos 2019). Menurut Dr. Asmadi Mohamed Naim dari Universiti Utara Malaysia. menyebut zikir secara lantang dan berjemaah telah dilakukan di zaman Nabi Muhammad S.A.W sepertimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim yang bermaksud, “Meninggikan suara berzikir selepas orang ramai selesai daripada solat fardhu telahpun berlaku di zaman Nabi S.A.W”.(Lihat Fath al-Bari, Bab al-Zikr Ba’d al-Solah, Jilid 2, Hal: 259 dan Syarh Sahih Muslim, Bab al-Zikr Ba’d al-Solah, Jilid 4-6, Hal:234-235).

Ibn Abbas menceritakan lagi bahawa Nabi Muhammad S.A.W melaungkan takbir selepas solat bersama sahabatnya (Fath al-Bari:2/259). Hadis riwayat Ibn Abbas yang menerangkan perlakuan Rasulullah S.A.W dan huraian Ibn Hajar menunjukkan secara nyata bagaimana Rasulullah S.A.W dan para sahabat RA berzikir secara lantang dan berjemaah. Imam al-Nawawi dan Ibn Hazam al-Zahiri berpandangan terdapat sebahagian ulama salaf keharusan berzikir dengan suara yang tinggi selepas solat (Tamat nukilan dari kitab Syarh Sahih Muslim: Jilid 4-6, hal. 237). Maksud yang sama dihuraikan oleh Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani dalam kitabnya Fath al-Bari (Bab al-Zikr Ba’d al-Solah, Jilid 2, hal. 260). Selain itu, ajaran Islam menyarankan agar masyarakatnya senantiasa hidup berjemaah. Bukan sahaja berjemaah dalam solat tetapi juga berjemaah dalam perkara lain seperti dalam berombongan, bermasyarakat dan seumpamanya. Menurut Ali Bin Abi Thalib, berjemaah kerana Allah adalah kumpulan orang-

orang yang berada dalam *haq* sekalipun jumlahnya sedikit dan *firqah* adalah kumpulan orang-orang *bathil* sekalipun pengikutnya banyak. Ibnu Mas'ud menambah bahawa orang yang berada dalam *haq* adalah berada dalam jemaah sekalipun bersendirian, iaitu berada dalam landasan *haq* dalam hal taat kepada Allah SWT dengan berpandukan Al-Qur'an dan Hadits sekalipun jumlahnya sedikit.

Muhammad Haniff Hassan menerangkan tentang hadis yang bermaksud, "*Sesiapa yang meninggalkan berjemaah walau sejengkal, maka dia telah merungkai ikatan Islam dari tengkuknya.*" (Riwayat At-Tirmizi, Hakim dan Ibn Hibban). Dalam hadis yang lain Nabi Muhammad S.A.W bersabda dengan maksud, "*Hendaklah kau bersama dengan jemaah orang-orang Islam dan imam mereka.*" (Riwayat Al-Bukhari & Muslim). Allah Taala turut berfirman yang bermaksud, "Dan berpegang teguhlah kamu dengan tali Allah dan janganlah kamu berpecah-belah." (Ali Imran:103). Allah berfirman lagi dengan maksud, "Dan janganlah kamu jadi seperti mereka yang berpecah-belah dan berselisih setelah datang kepada mereka kenyataan-kenyataan. Dan bagi mereka itu, azab yang besar" (Ali Imran:105) (Mohammad Haniff, 2007). Hadis-hadis dan ayat-ayat Quran ini jelas menunjukkan bahawa hidup berjemaah adalah satu tuntutan dalam Islam. Umat Islam perlu menjaga amalan berjemaah dan dilarang sama sekali untuk merosakkannya.

Rentetan itu, fatwa yang dikeluarkan oleh JAKIM sebagai reaksi terhadap COVID-19 dilihat sebagai satu solusi untuk mengekang penularan COVID-19 dari terus meningkat dari semasa ke semasa. Walaupun secara dasarnya, fatwa yang dikeluarkan oleh JAKIM terhadap larangan solat berjemaah diterima dan dilaksanakan oleh semua negeri di Malaysia, namun tindakan ini adalah dianggap sebagai satu bentuk keakuran terhadap pemerintah. Walau bagaimanapun, daripada penelitian dan analisis awal terhadap kesan daripada pelaksanaan PKP, PKPP dan PKPB di Malaysia, didapati bahawa keadaan ini sebenarnya secara tidak langsung telah mengganggu amalan kehidupan berjemaah yang menjadi tuntutan dalam ajaran agama Islam itu sendiri. Agama Islam menyarankan bahawa adalah menjadi satu kewajipan untuk menurut arahan daripada pemerintah tetapi pada masa yang sama apabila sesuatu tindakan atau arahan itu menyentuh kepada hukum hakam agama Islam, maka ia menjadi satu tanggungjawab kepada pihak yang berkepentingan untuk menimbang tara dan mencari solusi yang terbaik berdasarkan keadaan semasa.

Dalam kes COVID-19 ini, permasalahan yang timbul adalah tempoh PKP PKPP dan PKPB yang berpanjangan secara jelas menghalang amalan zikir secara berjemaah termasuklah amalan solat berjemaah harian dan solat Jumaat di masjid. Dengan lain perkataan, kehidupan spiritual bertasauf menjadi lemah secara perlahan-lahan dan lebih membimbangkan jika ia menjadi satu kebiasaan pada masa akan datang. Keadaan ini secara tidak langsung menimbulkan keraguan autensiti fatwa yang telah dikeluarkan oleh bahagian Hal Ehwal Agama Jabatan Perdana Menteri mengenai perkara ini dengan alasan jangkitan akan berlaku secara lebih aktif jika sekumpulan manusia berada dalam perhimpunan. Fatwa yang dikeluarkan tidak boleh dianggap fatwa yang adil kerana tidak memberi ruang khilaf dalam menentukan sesuatu hukum. Ia lebih sesuai sebagai arahan mandatori pihak pemerintah kerana tidak disokong dengan sebarang bukti saintifik kaedah atau cara jangkitan akan tersebar melalui perhimpunan beragama atau dalam konteks berjemaah.

Sehubungan dengan itu, dalam masalah *effectiveness of action* yang membabitkan PKP, PKPP dan PKPB, kerajaan tidak perlu mengeluarkan fatwa mengenai PKP, PKPP dan PKPB tetapi sebagai satu arahan darurat mandatori kepada semua penduduk Malaysia. Fatwa yang dikeluarkan oleh JAKIM, tidak berlandaskan data numerikal yang tepat iaitu berapakah nilai mereka yang akan dijangkiti jika berada dalam sesuatu perhimpunan. Fatwa ini lebih bersifat telahan mudah tanpa realiti dan dipengaruhi oleh World Health Organisation (WHO) dan tidak mengambil kira nilai-nilai empirikal saintifik secara serius ketika ia dikemukakan. Rentetan daripada keadaan ini, dapat dilihat bahawa tindakan JAKIM terhadap pengeluaran fatwa tersebut boleh dipertikaikan dan boleh menjadi satu kelonggaran dari aspek pelaksanaan tuntutan ajaran agama Islam dari semasa ke semasa dalam tempoh COVID-19 ini.

Justeru, fatwa yang dikeluarkan oleh JAKIM seharusnya perlu diperhalusi lagi dengan tidak perlu mengeluarkan fatwa mengenai PKP, PKPP dan PKPB tetapi sebaliknya menukar arahan tersebut kepada satu bentuk solusi yang tidak mengganggu kehidupan berjemaah umat Islam contohnya hanya dengan hanya mewujudkan SOP (standard operation procedure) di semua tempat ibadat seperti surau dan masjid. Kepentingan dalam menghubungkan dan meneliti nas-nas syarak dengan keadaan semasa adalah perlu bagi memastikan kelangsungan dalam kehidupan berjemaah selaras dengan ajaran agama Islam. Ini kerana nas-nas syarak berkaitan dengan amalan kehidupan berjemaah dengan pengeluaran fatwa perlu dinilai dan diperhalusi mengikut konteks keadaan semasa yang memungkinkan penularan COVID-19 ini dibendung tetapi pada masa yang sama kehidupan berjemaah masih diteruskan.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, arahan PKP dapat membendung penularan pandemik COVID-19 dalam masyarakat negara ini. Rentetan daripada arahan ini, fatwa yang telah dikeluarkan oleh JAKIM jelas menyokong arahan PKP ini iaitu melarang ibadah secara berjemaah seperti solat dan berzikir serta kehidupan berjemaah telah menyebabkan kehidupan berjemaah telah terganggu. Tambahan lagi, apabila rumah ibadat seperti masjid dan surau turut ditutup. Sejalan dengan kelonggaran PKP, PKPP dan PKPB telah dibuka namun masih lagi secara skala yang terlalu kecil. Ironinya, perkara ini merupakan salah satu perkara penting dan bersifat fundamental dalam Islam. Fatwa berkaitan dengan PKP, PKPP dan PKPB COVID-19 secara literal bercanggah dengan sunnah Nabi Muhammad S.A.W dan dalam konteks keadaan Malaysia, fatwa yang dikeluarkan oleh JAKIM seharusnya adalah lebih baik sekiranya ditukar kepada perintah darurat berbanding dengan pelaksanaan PKP, PKPP dan PKPB. Dengan lain perkataan Kementerian Kesihatan adalah sumber kepada fatwa COVID19 di Malaysia.

Penghargaan

Kajian ini merupakan kajian yang mendapat dana sepenuhnya daripada Universiti Malaysia Sabah melalui geran SDK 0206-2020 yang bermula daripada 05 Jun 2020 sehingga 5 Jun 2022 yang akan meliputi beberapa kawasan terpilih di Sabah.

Rujukan

- Berita Harian Online. (2020). *COVID-19: Umat Islam perlu patuhi saranan kerajaan—Mufti Melaka*. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/03/664855/COVID-19-umat-islam-perlu-patuhi-saranan-kerajaan-mufti-melaka>. Diakses pada 12 Mac 2020.
- Berita Harian Online. (2020). *Solat Jumaat perlu diteruskan, pendekkan khutbah*. 12 Mac 2020. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/664632/solat-jumaat-perlu-diteruskan-pendekkan-khutbah>. Diakses pada 12 Mac 2020.
- Berita Harian Online. (2020). *COVID-19: Berdosa solat Jumaat 'sembunyi-sembunyi', tidak patuh arahan pemerintah*. 12 Mac 2020. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional>. Diakses pada 12 Mac 2020.
- Berita Harian online. (2020). *Kronologi Covid 19 di Malaysia*. 17 Mac 2020. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/666122/kronologi-COVID-19-di-malaysia>. Diakses pada 12 Mac 2020.
- Berita Harian. (2020). *COVID-19: Impak Tanpa Sempadan, Kesalinghubungan*. 26 Mac 2020. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/666122/kronologi-COVID-19-di-malaysia>. Diakses pada 12 Mac 2020.
- Berita Harian online. (2020). *COVID-19: Berdosa langgar perintah*. 26 Mac 2020. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/669418/COVID-19-berdosa-langgar-perintah>. Diakses pada 12 Jun 2020.
- Berita Harian Online. (2020). *COVID-19: Polis dalam mod 'keras' laksana PKP fasa dua*. <https://www.bharian.com.my/node/672112/amp>. 2 April 2020. Diakses pada 12 Jun 2020.
- Berita Harian Online. (2020). *Arab Saudi kuat kuasa perintah berkurung 24 jam bermula hari ini*. 2 April 2020. <https://www.bharian.com.my/node/672352/amp> Diakses pada 12 Jun 2020.
- Berita Harian Online. (2020). *COVID-19: Sasar capai sifar jangkitan melalui PKP*. 3 April 2020. <https://www.bharian.com.my/node/672407/amp>. Diakses pada 12 Jun 2020.
- Berita harian Online. (2020). *Sasar capai sifa 39. billion penduduk dunia dilarang keluar rumah*. 3 April 2020. <https://www.bharian.com.my/dunia/eropah/COVID19-39-bilion-penduduk-dunia-dilarang-keluar-rumah>. Diakses pada 12 Jun 2020.
- Berita harian Online. (2020). *Palestin lanjut perintah berkurung*. <https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2020/04/672527/COVID-19-palestin-lanjut-perintah-berkurung-sebulan-lagi>. Diakses pada 12 Jun 2020.
- Berita Harian Online. (2020). *PKP: Polis guna akta Kanun Keseksaan*. 5 April 2020. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/673224/pkp-polis-guna-akta-kanun-keseksaan>. Diakses pada 12 Jun 2020.
- Berita Harian Online. (2020). *COVID-19: Tangkapan PKP meningkat 51 peratus*. 6 April 2020. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/673650/COVID-19-tangkapan-pkp-meningkat-51-peratus>. Diakses pada 12 Jun 2020.
- Berita Harian Online. (2020). *COVID-19: Berdosa solat Jumaat 'sembunyi-sembunyi', tidak patuh arahan pemerintah*. 12 April 2020. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional>. Diakses pada 12 Jun 2020.
- Berita Harian Online. (2020). *Majlis Fatwa Negeri Sabah lanjutkan penangguhan solat berjemaah di masjid*. 14 April 2020. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/>. Diakses pada 12 Jun 2020.
- Berita Harian Online. (2020). *COVID-19: Tidak berdosa tinggal solat Jumaat tiga kali berturut-turut*. 23 April 2020. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/COVID-19-tidak-berdosa-tinggal-solat-jumaat-tiga-kali-berturut-turut>. Diakses pada 12 Jun 2020.

- Bernama. (2020). *Tindakan tegas kepada orang awam ingkar Perintah Kawalan Pergerakan–Mazlan*. 19 Mac 2020. <https://www.bernama.com/bm/am/news.php>. Diakses pada 19 Mac 2020.
- Daily Express. (2020). *Majoriti rakyat Sabah sokong Perintah Kawalan Pergerakan*. 18 Mac 2020. <http://www.dailyexpress.com.my/news/148983/majoriti-rakyat-sabah-sokong-perintah-kawalan-pergerakan/>. Diakses pada 12 Jun 2020.
- Gostin, L. O., Tomori, O., Wibulpolprasert, S., Jha, A. K., Frenk, J., Moon, S., Dzau, V. J. (2016). *Toward a Common Secure Future: Four Global Commissions in the Wake of Ebola*. PLoS Med, 13(5), e1002042.
- Harian Metro. (2020.) *Britain kuatkuasa perintah berkurung*. 24 Mac 2020. <https://www.hmetro.com.my/node/557862/amp>. Diakses pada 20 Julai 2020.
- Harian Metro. (2020). *Itali Mahu Lanjut perintah Berkurung*. 30 Mac 2020. <https://www.hmetro.com.my/node/560217/amp>. Diakses pada 20 Julai 2020.
- Harris, S. S. (2000). *A Dictionary of Epidemiology, Fourth Edition*. <https://academic.oup.com/aje/article/154/1/93/117432>. Diakses pada 22 September 2020.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). *Kenyataan Akhbar Pusat Media*. 7 Mac 2020. <http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2019-ncov-wuhan-kenyataan-akhbar>. Diakses pada 9 Oktober 2020.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). *Wuhan infografik*. 9 Mac 2020. <http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2019-ncov-wuhan-infografik>. Diakses pada 9 Oktober 2020.
- Honigsbaum . M. (2009). Historical keyword Pandemic. *The Lancet*, 373.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). *Situasi Terkini 30 September 2020*. <http://covid-19.moh.gov.my/terkini/092020/situasi-terkini-30-september-2020>. Diakses pada 9 Oktober 2020.
- Latifah Arifin. (2020). *Hukum fardu ain, cegah COVID-19*. *Berita Harian Edisi 20 Mac 2020*.
- Lin, L., McCloud, R. F., Bigman, C. A., dan Viswanath, K. 2016. Tuning in and catching on? Examining the relationship between pandemic communication and awareness and knowledge of MERS in the USA. *J Public Health(Oxf)*, fdw028.
- Malaysia Kini. (2020). *Mangsa keempat jangkitan baru koronavirus di M'sia dari Wuhan*. 25 Jan 2020. <https://www.malaysiakini.com/news/508435>. Diakses pada 9 Oktober 2020.
- Muhammad Haniff Hassan. (2007). *Meluruskan Kefahaman Mengenai Konsep Berjemaah Dalam Islam*. haniff.sg/jihadterror/meluruskan-kefahaman-mengenai-konsep-berjemaah-dalam-islam-12/. Diakses pada 12 Oktober 2020.
- Morens, D. M., Folkers, G. K., dan Fauci, A. S. (2009). *What is a pandemic?* *J Infect. Dis*, 200(7), 1018-1021.
- Maurice, J. (2016). Cost of protection against pandemics is small. *The Lancet*, 387(10016), e12.
- Rewar, S., Mirdha, D., dan Rewar, P. (2015). Treatment and Prevention of Pandemic H1N1 Influenza. *Annals of Global Health*, 81(5), 645-653.
- Taubenberger, J. K., & Morens, D. M. (2009). Pandemic influenza - including a risk assessment of H5N1. *Revue Scientifique Et Technique-Office International Des Epizooties*, 28(1), 187-202.
- Tribunmataram News. (2020). *UPDATE Virus Corona Dunia 30 September 2020, Amerika Serikat Lampau 7,4 Juta Kasus Covid-19*. <https://matarama.tribunnews.com/2020/09/30/update-virus-corona-dunia-30-september-2020-amerika-serikat-lampau-74-juta-kasus-covid-19>. Diakses pada 15 Oktober 2020.

- Troncoso, A. (2016). Zika threatens to become a huge worldwide pandemic. *Asian Pacific Journal of Tropical Biomedicine*.
- World Health Organization. (2011a). The Classical definition of a pandemic is not elusive. *Bull World Health Organ*, 89 (7), 540-541. *Doi:10.2471/blt.11.088815*.
- World Health Organization. (2011b). Comparative Analysis of National Pandemic Influenza Preparedness Plans. <https://www.who.int/influenza/resources/documents/comparative>. Diakses pada 2 Julai 2020.
- W.Qiu; S. Rutherford; A. Mao; C. Chu. (2020). *The Pandemic and its Impacts*. <http://hcs.pitt.edu>. Diakses pada 12 September 2020